

D.R. 15/2022

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 3) 2022

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

**TEKS BAHASA KEBANGSAAN**

**1. Fasal 1**

Fasal 1 Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas subfasal (2) subfasal yang berikut:

“(3) Walau apa pun subseksyen (2), seksyen 6 Akta ini mula berkuat kuasa di sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.”

**2. Fasal 2**

Fasal 2 Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dengan memasukkan selepas Fasal (3) Fasal yang berikut:

“(3A) Walau apa pun perenggan (c) Fasal (2) dan Fasal (3), hak untuk membentuk persatuan yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1) berhubung dengan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan bagi mana-mana Negeri hendaklah tertakluk

kepada sekatan yang dikenakan masing-masing oleh Perkara 49A dan seksyen 7A Jadual Kelapan.”.

### 3. Fasal baharu 3, 4, 5 dan 6

Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas fasal 2 fasal yang berikut:

#### **“Pindaan Perkara 48**

3. Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 48, dengan memotong Fasal (6).

#### **Perkara baharu 49A**

4. Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan selepas Perkara 49 Perkara yang berikut:

#### **“Pertukaran parti politik anggota, dsb.**

**49A.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang ahli Dewan Rakyat hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua di bawah Fasal (3) jika—

(a) setelah dipilih ke Dewan Rakyat sebagai anggota suatu parti politik—

(i) dia melepaskan keanggotaan parti politik itu; atau

(ii) dia tidak lagi menjadi anggota parti politik itu; atau

(b) setelah dipilih ke Dewan Rakyat bukan sebagai anggota suatu parti politik, dia menyertai suatu parti politik sebagai anggota.

(2) Seseorang ahli Dewan Rakyat tidak berhenti menjadi ahli Dewan itu menurut Perkara ini hanya disebabkan oleh—

(a) pembubaran atau pembatalan pendaftaran parti politikinya;

(b) pelepasan keanggotaannya daripada parti politikinya apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua; atau

(c) pemecatannya daripada keanggotaan dalam parti politikinya.

(3) Bilamana Yang di-Pertua menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan Rakyat mengenai berlakunya kekosongan luar jangka dalam kalangan ahli Dewan Rakyat di bawah Perkara ini, Yang di-Pertua hendaklah memastikan bahawa berlakunya kekosongan luar jangka itu dan memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya sewajarnya dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima notis bertulis itu.

(4) Bagi maksud mengadakan pilihan raya di bawah Perkara 54, kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua.”.

## **Pindaan Perkara 160**

5. Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (2) dengan memasukkan selepas takrif “Orang Melayu” takrif yang berikut:

‘ “parti politik” ertinya—

(a) mana-mana pertubuhan yang menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu merupakan tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau kaedah yang menjadi tambahan kepada tujuan atau tujuan-tujuan utamanya atau kepada kaedah atau kaedah-kaedah utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu menyertai, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri; atau

(b) mana-mana pertubuhan yang, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menjalankan apa-apa aktiviti atau meneruskan apa-apa tujuan yang melibatkan penyertaannya, melalui calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri,

dan termasuklah gabungan pertubuhan sedemikian yang telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang persekutuan;’.

## **Pindaan Jadual Kelapan**

6. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda—

(a) dengan memotong subseksyen (5) seksyen 6; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

*“Pertukaran parti politik anggota, dsb.*

7A. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, seseorang ahli Dewan Undangan hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua di bawah subseksyen (3) jika—

(a) setelah dipilih ke Dewan Undangan sebagai anggota suatu parti politik—

(i) dia melepaskan keanggotaan parti politik itu; atau

(ii) dia tidak lagi menjadi anggota parti politik itu; atau

(b) setelah dipilih ke Dewan Undangan bukan sebagai anggota suatu parti politik, dia menyertai suatu parti politik sebagai anggota.

(2) Seseorang ahli Dewan Undangan tidak terhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu menurut seksyen ini hanya disebabkan oleh—

(a) pembubaran atau pembatalan pendaftaran parti politiknya;

(b) pelepasan keanggotaannya daripada parti politikinya apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua; atau

(c) pemecatannya daripada keanggotaan dalam parti politikinya.

(3) Bilamana Yang di-Pertua menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan Undangan mengenai berlakunya kekosongan luar jangka dalam kalangan ahli Dewan Undangan di bawah seksyen ini, Yang di-Pertua hendaklah memastikan bahawa berlakunya kekosongan luar jangka itu dan memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya sewajarnya dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima notis bertulis itu.

(4) Bagi maksud mengadakan pilihan raya di bawah subseksyen (5) seksyen 9, kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua.”.

#### **4. Pindaan Implikasi Kewangan**

Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan implikasi kewangan dengan implikasi kewangan yang berikut:

“Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.”.

## HURAIAN

1. Perenggan 1 bertujuan untuk memasukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan berkenaan dengan fasal 6, iaitu Yang di-Pertuan Agong boleh, dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi suatu Negeri, menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi fasal itu dalam Negeri itu.
2. Perenggan 2 bertujuan untuk menggantikan perenggan (b) Rang Undang-Undang untuk memasukkan Fasal baharu (3A) Perkara 10 bagi membolehkan sekatan ke atas hak untuk menubuhkan persatuan berhubung dengan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan mana-mana Negeri dikenakan masing-masing oleh Perkara 49A dan seksyen 7A Jadual Kelapan.
3. Perenggan 3 bertujuan untuk memasukkan fasal baharu 3, 4, 5 dan 6 ke dalam Rang Undang-Undang.

Fasal baharu 3 bertujuan untuk memotong Fasal (6) Perkara 48. Pemotongan ini akan membolehkan mana-mana ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahliannya untuk bertanding semula dalam pilihan raya pada bila-bila masa selepas dia melepaskan keahliannya dalam Dewan Rakyat dan dengan demikian kehilangan kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat bagi tempoh lima tahun tidak lagi terpakai.

Fasal baharu 4 bertujuan untuk memasukkan Perkara baharu 49A ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang ahli Dewan Rakyat hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua di bawah Fasal (3) Perkara baharu 49A jika setelah dipilih ke Dewan Rakyat sebagai anggota suatu parti politik, dia melepaskan keanggotaan atau terhenti menjadi anggota parti politik itu. Perkara yang sama juga

terpakai bagi calon bebas yang, setelah dipilih ke Dewan Rakyat, menyertai suatu parti politik. Perkataan “anggota suatu parti politik” yang disebut dalam Perkara baharu 49A hendaklah termasuk ahli Dewan Rakyat yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan parti politik tetapi ialah anggota gabungan itu.

*MISALAN*

Anggota Parti A yang merupakan ahli Dewan Rakyat tidak berhenti menjadi ahli Dewan itu jika Parti A, yang merupakan anggota suatu gabungan parti politik, meninggalkan gabungan itu sama ada atau tidak Parti A menyertai gabungan parti politik lain atau membentuk suatu gabungan parti politik yang baharu.

Perkara baharu 49A juga memperuntukkan keadaan apabila seseorang ahli Dewan Rakyat tidak berhenti menjadi ahli Dewan itu.

*MISALAN*

- (a) Parti A bergabung dengan Parti B untuk menjadi Parti C yang dengan penggabungan itu kedua-dua Parti A dan Parti B sama ada dibubarkan atau pendaftaran parti politik mereka dibatalkan. Anggota Parti A dan Parti B tidak berhenti menjadi ahli Dewan Rakyat.
- (b) Parti A dibubarkan atau pendaftaran parti politiknya dibatalkan dan anggota Parti A menjadi anggota Parti B, maka anggota Parti A tidak berhenti menjadi ahli Dewan Rakyat.
- (c) Anggota Parti A yang dipecat daripada parti itu, sama ada atau tidak dia menyertai parti politik lain atau membentuk suatu parti politik baharu, tidak berhenti menjadi ahli Dewan Rakyat.

Kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat hendaklah dipastikan oleh Yang di-Pertua apabila menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan itu mengenai berlakunya kekosongan itu dan dia hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya tentang kekosongan itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima notis bertulis itu. Bagi maksud Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjalankan suatu pilihan raya dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua.

#### *MISALAN*

- (a)* Pada 2 Februari 2022, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima suatu notis bertulis daripada A, seorang ahli Dewan Rakyat, memaklumkan bahawa B, seorang ahli Dewan Rakyat yang lain, telah melepaskan keanggotaan daripada parti politiknya pada 1 Januari 2022. Kemudian daripada itu, Yang di-Pertua mesti memastikan sama ada terdapat kekosongan luar jangka dan memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai kekosongan luar jangka itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari 2 Februari 2022, iaitu pada atau sebelum 23 Februari 2022.
  
- (b)* Pada 20 Februari 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menerima suatu pemberitahuan bertulis daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat memaklumkan bahawa terdapat kekosongan luar jangka seorang ahli Dewan Rakyat. Oleh itu, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mengadakan pilihan raya untuk mengisi kekosongan luar jangka itu dalam tempoh enam puluh hari dari 20 Februari 2022, iaitu pada atau sebelum 21 April 2022.

Fasal baharu 5 bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “parti politik” ke dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal baharu 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang ahli Dewan Undangan hendaklah berhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua di bawah subseksyen (3) seksyen baharu 7A jika setelah dipilih ke Dewan Undangan sebagai anggota suatu parti politik, dia melepaskan keanggotaan atau berhenti menjadi anggota parti politik itu. Perkara yang sama juga terpakai bagi calon bebas yang, setelah dipilih ke Dewan Undangan, menyertai suatu parti politik. Perkataan “anggota suatu parti politik” yang disebut dalam seksyen baharu 7A hendaklah termasuk ahli Dewan Undangan yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan parti politik tetapi ialah anggota gabungan itu.

Seksyen baharu 7A juga memperuntukkan keadaan apabila seseorang ahli Dewan Undangan tidak berhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu.

Kekosongan luar jangka di Dewan Undangan hendaklah dipastikan oleh Yang di-Pertua apabila menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan Undangan itu mengenai berlakunya kekosongan itu dan dia hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya tentang kekosongan itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima notis bertulis itu. Bagi maksud subseksyen (5) seksyen 9 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjalankan suatu pilihan raya dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua.

4. Perenggan 4 bertujuan untuk menggantikan implikasi kewangan Rang Undang-Undang memandangkan kemasukan Perkara baharu 49A dan pindaan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan bagi maksud pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk

mengisi kekosongan luar jangka ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan mana-mana Negeri.